

Belia Hargai Peluang Ekonomi - PM

Mstar Online

04 December, 2012

Oleh NELSON BENJAMIN dan DESIREE TRESA GASPER

JOHOR BAHRU: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menggariskan tujuh strategi untuk melibatkan belia Islam di seluruh dunia bagi memanfaatkan potensi yang belum diterokai mereka.

Strategi itu termasuk memberi tumpuan kepada pendidikan, keterbukaan dalam ekonomi, meneruskan pembaharuan struktur, bertindak balas kepada perubahan teknologi, mengekalkan minda yang terbuka kepada peluang-peluang baru dalam ekonomi digital, menggalakkan kesederhanaan dan toleransi, dan bersedia untuk melabur dalam belia.

Beliau berkata demikian pada Forum Ekonomi Dunia Islam di sini, Selasa.

Najib menegaskan bahawa kebebasan politik adalah penting, sebagai peluang ekonomi yang orang muda paling menghargainya.

"Kita kehilangan sebahagian orang muda yang mempunyai sikap tidak peduli dan ekstremisme," katanya.

Beliau menegaskan bahawa dunia Islam telah mengalami satu signifikan "perkembangan belia" pada 2010, di mana 60 peratus orang Islam di bawah usia 30 tahun.

"Belia Islam mahukan peluang ekonomi. Kita mesti komited untuk membina ekonomi yang terbuka dan mampan dengan perubahan pendidikan dan ekonomi yang membolehkan golongan muda kita mengejar cita-cita mereka," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/12/4/mstar_berita/20121204114307&sec=mstar_berita